



Anwar menandatangani Tekad Bersama Kerajaan Perpaduan sambil diperhatikan kepimpinan tertinggi komponen dalam Kerajaan Perpaduan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Lima tekad perkasa Kerajaan Perpaduan

19 parti politik terus bina kerjasama lebih utuh demi negara

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas enam bulan terbentuknya Kerajaan Perpaduan, semalam terlakar sejarah di Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) apabila semua pemimpin utama empat parti gabungan daripada 19 parti politik duduk semeja membulatkan tekad menjayakan kerajaan dengan termaktubnya deklarasi Kerajaan Perpaduan.

Deklarasi Tekad Buat Malaysia dimeterai dan ditandatangani bersama semua 19 ketua parti, dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membina kerjasama lebih utuh dan padu pada masa depan.

Selain mengukuhkan kerajaan, konvensyen berkenaan diadakan bagi memastikan gerak langkah dan hala tuju yang seiring dalam memimpin negara antara parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan iaitu Pakatan Harapan (PH), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Parti WARISAN.

Selain itu, konvensyen berkenaan bertujuan menentukan pemikiran dan dasar yang sama antara parti, lebih-lebih lagi sejak enam bulan ini timbul pelbagai cerita mengenai gerakan untuk mengambil alih kerajaan.

Konvensyen itu juga bagi menoktahkan sebarang usaha mengganggu-gugat kestabilan politik negara, sekali gus mem-

bolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada isu rakyat.

Konvensyen menghimpunkan hampir 10,000 perwakilan berlangsung ketika terdapat desas-desus pihak yang ingin menjatuhkan kerajaan serta mendepani persiapan bagi menghadapi pilihan raya di enam negeri.

Himpunan turut menyaksikan suara Anwar kembali menggerakkan Dewan Merdeka, 26 tahun selepas kali terakhir beliau berucap di situ atas pentas Perhimpunan Agung UMNO (PAU) pada 1997.

Serikan Dewan Merdeka

Selain Anwar, beberapa pemimpin kembali berucap di Dewan Merdeka antaranya, Presiden Parti WARISAN, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Pengerusi Parti Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Datuk Seri Hajiji Noor.

Mohd Shafie yang sudah 10 tahun meninggalkan pentas Dewan Merdeka, sebelum ini pernah menjadi Naib Presiden UMNO, manakala Hajiji kembali selepas lima tahun.

Beberapa pemimpin Kerajaan Perpaduan yang lain menyatakan rasa canggung dan tidak terlintas berdiri dan berucap di Dewan Merdeka terutama dalam kalangan pemimpin DAP, seperti Timbalan Pengerusi DAP, Gobind Singh Deo dan Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke.

Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan yang bermula sebelah petang dimulakan dengan Bicara Rakyat menampilkan beberapa menteri membicarakan usaha dibentuk Kerajaan Perpaduan melalui konsep Malaysia MADANI.

Seterusnya, dibicarakan pandangan beberapa pemimpin parti politik dalam Kerajaan Perpaduan mengenai hasrat dan tekad dalam membentuk negara bangsa.

Dengan tema 'MADANI Mew-

jahi Masa Depan Malaysia', Anwar selaku Pengerusi Sekretariat Kerajaan Perpaduan dalam ucapannya menegaskan, Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan memberi isyarat kepada rakyat Malaysia dan dunia bahawa kerajaan ini stabil dan akan kekal sehingga pilihan raya umum akan datang.

Katanya, Kerajaan Perpaduan akan teruskan tatakelola yang baik dan menghentikan rasuah dan salah guna kuasa.

"Kerajaan Perpaduan akan meneruskan dasar yang memacu pertumbuhan demi membela nasib rakyat," katanya.

Berikut lima tekad Kerajaan Perpaduan atau Tekad Buat Malaysia:

- Pertama, meningkatkan taraf hidup dengan memastikan peningkatan pendapatan melalui peluang usaha dan pekerjaan yang diperbanyakkan dalam semua sektor.

- Kedua, menjamin rakyat mendapat akses kepada pembelajaran dan perkhidmatan yang tidak membebankan.

- Ketiga, meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan dengan memastikan ketirisan perbelanjaan kerajaan dapat dihapuskan dan manfaat usaha pembangunan benar-benar dapat dirasai oleh rakyat terbanyak.

- Keempat, memacu pertumbuhan ekonomi dan mengembalikan keyakinan pelabur yang akan meningkatkan kemakmuran negara dan meningkatkan daya sains Malaysia di peringkat antarabangsa.

- Kelima, memastikan kerukunan hidup masyarakat majmuk dengan pendekatan keterengkuman yang menyatukan pelbagai kaum, agama dan wilayah dikembangkan bagi memastikan kestabilan negara dan perpaduan rakyat.